

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU

SOALAN

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Psikologi memandangkan keperluannya dilihat sangat penting ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, kajian tinjauan oleh KPWKM mendapati sokongan sosial adalah antara mekanisme untuk mengurangkan kadar tekanan yang dihadapi oleh mereka yang terkesan secara langsung oleh ancaman pandemik COVID-19.

Bagi mengurangi dan menangani kadar tekanan mental yang terjadi, KPWKM telah menguatkuasakan Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*] untuk memberi bantuan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan. Akta ini berperanan menyelia perkhidmatan kaunseling dan mengawal selia amalan kaunseling serta latihan kaunselor dan menentukan jenis dan tahap kaunseling di Malaysia serta mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan amalan kaunselor dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya sebagaimana fungsi yang diperuntukkan dalam Akta tersebut. Sehingga 31 Oktober 2020, bilangan kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor di bawah Akta Kaunselor 1998 [*Akta 580*] berjumlah 9,340 yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, swasta, NGO dan pengamal persendirian.

Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri (JPA JPM), Kerajaan sedang meneliti cadangan bagi mewujudkan Akta Psikologi. Tujuan akta ini untuk melindungi kepentingan ahli psikologi dan pemegang taruh dalam memastikan perkhidmatan psikologi yang diberikan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING

SOALAN

Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan strategik dan jangka masa panjang Kementerian untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita ke dalam tenaga kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja memerlukan tindakan yang bersepadu oleh semua pihak sama ada di sektor awam mahupun swasta. Ia melibatkan aspek penjana pendapatan dan ekonomi yang merentas pelbagai bidang seperti di sektor perusahaan, pelancongan, pertanian, perladangan dan perdagangan yang mana setiap daripadanya berada di bawah bidang kuasa Kementerian dan agensi Kerajaan yang berbeza.

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah sebanyak 55.2 peratus pada tahun 2018 dan meningkat 0.9 peratus kepada 55.6 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sasaran pencapaian bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 56.5 peratus yang pada asalnya dilihat realistik, sekarang ini mungkin sukar dicapai kesan daripada pandemik COVID-19 yang telah menguncupkan perkembangan ekonomi sehingga banyak sektor terjejas dan ramai pekerja terpaksa diberhentikan, termasuklah golongan wanita.

Menyedari akan hakikat ini dan berdasarkan bidang kuasa di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), beberapa inisiatif diperkenalkan termasuklah memberikan peluang kepada wanita untuk menceburi bidang pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak. Ini dilaksanakan melalui penganjuran Kursus Pembangunan Kapasiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA, khusus untuk golongan wanita B40 dan ibu tunggal.

Selain itu, KPWKM juga memberikan penekanan kepada penglibatan wanita dalam ekonomi digital sebagai arena baharu yang membuka peluang penjana pendapatan. Dalam hal ini, KPWKM bekerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) serta badan bukan kerajaan untuk menyediakan program-program pembangunan kapasiti. Ini termasuk mendedahkan

SOALAN NO. 78

mereka kepada literasi digital, pengurusan kewangan dan kemahiran keusahawanan.

Selain inisiatif di atas, KPWKM juga memberikan perhatian kepada transformasi bersifat sistemik bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong dan membolehkan wanita untuk lebih terlibat dalam tenaga kerja dengan produktif, tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Antaranya adalah KPWKM menyokong penuh sebarang bentuk polisi yang mewujudkan keseimbangan antara kerjaya dan keluarga (*work-life balance*) seperti pelaksanaan waktu kerja anjal (*flexible working arrangements*) yang bukan sahaja disambut baik oleh sektor awam tetapi juga sektor swasta.

Sebagai tambahan, penyediaan lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak atau TASKA di tempat kerja juga menjadi keutamaan di bawah KPWKM memandangkan industri penjagaan ini memberikan manfaat berbentuk serampang dua mata iaitu pertamanya, membantu ibu bapa bekerja menguruskan anak dengan lebih baik serta menyokong wanita untuk terus bekerja; dan keduanya, membuka lebih banyak peluang pekerjaan sebagai pengusaha pusat jagaan atau pengasuh. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan kepada KPWKM geran bagi penubuhan TASKA iaitu RM10 juta pada tahun 2019, RM30 juta pada tahun 2020 dan seterusnya RM30 juta lagi bagi tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status pencapaian Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) bagi tempoh tahun 2018-2020 serta apakah usaha Kementerian dalam memastikan MKBOKU ini bergerak secara lebih aktif lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) ditubuhkan selaras dengan Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] pada tahun 2008. MKBOKU merupakan platform utama untuk membincangkan isu, polisi dan inisiatif berkaitan OKU di peringkat tertinggi kerana Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah Kementerian dan Agensi Kerajaan berkaitan serta dianggotai oleh individu yang berpengalaman mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) dan berkaitan isu-isu ketidakupayaan.

Antara pencapaian utama MKBOKU bagi tahun 2018-2020 adalah seperti berikut:

TAHUN 2018		
BIL.	INISIATIF	JAWATANKUASA MKBOKU (PELAKSANA)
1.	Access Audit Manual and Access Audit Checklist Star Rating telah diluluskan pada Mesyuarat MKBOKU Bil 1/2018 pada 13 November 2018. Manual ini bertujuan untuk penggunaan ketika audit akses bangunan dan pengkelasan bangunan berdasarkan <i>star rating</i> .	Jawatan Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina
2.	Pertandingan Video Pendek Kesedaran Ketidakupayaan (Amalan Cara Hidup Sihat dalam kalangan OKU) . Tema yang dipilih adalah Jom Amalkan Cara Hidup Sihat (<i>Let Practice Healthy Life Style</i>). 149 penyertaan telah diterima.	Jawatankuasa <i>Quality Life Care</i>

TAHUN 2018		
BIL.	INISIATIF	JAWATANKUASA MKBOKU (PELAKSANA)
3.	Townhall Pendidikan Khas bertemakan Pengesanan Awal Pemangkin Potensi Murid Berkeperluan Khas yang diadakan pada 8 November 2018.	Jawatankuasa Pendidikan

TAHUN 2019		
Bil.	Inisiatif	Pelaksana
1.	Kad OKU Sub Kategori Pembelajaran telah dilancarkan pada 7 Mac 2019. Melalui inisiatif ini, OKU Masalah Pembelajaran dikenali sebagai OKU Pembelajaran terbahagi kepada enam (6) sub kategori iaitu sub kategori <i>Global Development Delay (GDD)</i> , <i>Sindrom Down</i> , <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i> , <i>Autisme</i> , <i>Intellectual</i> dan <i>Specific Learning Disability</i> . Perubahan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih positif kepada OKU Pembelajaran selain dapat memastikan program pemulihan dapat dilaksanakan dengan lebih fokus dan berstruktur.	Jawatankuasa Pendaftaran OKU
2.	Pelan Tindakan Aksesibiliti OKU di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-74 pada 23 Julai 2019. Tujuan Pelan Tindakan Aksesibiliti sebagai panduan yang standard dalam pembangunan pelan tindakan aksesibiliti setiap PBT dan untuk meningkatkan aksesibiliti kemudahan dalam dan luar bangunan serta ruang awam di setiap PBT.	Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina

TAHUN 2019		
Bil.	Inisiatif	Pelaksana
3.	<p>Pelaksanaan Bengkel TOT dan Audit Akses di 26 premis seperti di Bangunan Parlimen, bangunan, taman dan ruang awam (tempat letak kereta, sekolah, kompleks membeli-belah dan institut pengajian tinggi) di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Institusi Kebajikan Masyarakat. Bengkel TOT dan audit akses ini dilaksanakan sepanjang tahun bermula Mac sehingga Disember 2019.</p> <p>Pelaksanaan Bengkel TOT dan Audit Akses adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pihak berkaitan tentang kepentingan reka bentuk sejagat kepada OKU.</p>	Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina

TAHUN 2020		
Bil.	Inisiatif	Pelaksana
1.	<p>Mesyuarat Berkaitan Aksesibiliti Bangunan yang didaftarkan sebagai Warisan Negara telah diadakan pada 30 September 2020 yang merupakan salah satu inisiatif JKRBSAB, MKBOKU dalam meningkatkan aksesibiliti OKU terhadap kemudahan dalam dan luar bangunan awam termasuklah bangunan yang didaftarkan sebagai Warisan Negara.</p>	Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina
2.	<p>Promosi Kesedaran Ketidakupayaan Menerusi Media Cetak. Dua artikel yang dikeluarkan:</p> <p>i. DET Beri Impak Positif Pembangunan OKU yang telah dikeluarkan pada 23 November 2020 (Isnin) dalam Utusan Malaysia; dan</p>	Sekretariat MKBOKU

TAHUN 2020		
Bil.	Inisiatif	Pelaksana
	<p>ii. ILC Realisasikan Impian OKU yang telah dikeluarkan pada 30 November 2020 (Isnin) dalam KOSMO.</p>	
3	<p>Audit Akses Kemudahan Pengangkutan Awam di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu dan Stesen Keretapi Wakaf Bharu, Kelantan pada 10-11 Februari 2020 dan Stesen KTM Kajang 2 pada 21 Julai 2020. Usaha ini adalah ke arah mewujudkan ketersambungan dan kelancaran sistem pengangkutan awam (<i>seamless public transport</i>).</p>	Jawatankuasa Pengangkutan
4	<p>PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN SEKSUAL DAN KESELAMATAN DIRI KANAK-KANAK DAN REMAJA BERKEPERLUAN KHAS</p> <p>i. Dua (2) latihan menggunakan Modul “<i>Live Life, Stay Safe</i>” kepada anggota kesihatan dan kaunselor JKM peringkat Negeri Kelantan (28 - 29 Januari 2020) dan Johor (17 - 18 Februari 2020)</p> <p>ii. Edaran Modul “<i>Live Life, Stay Safe</i>” kepada semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) bagi negeri Kelantan dan Johor sebagai panduan <i>echo training</i> kepada petugas/warga PDK oleh kaunselor/pegawai JKM (Oktober 2020).</p>	Jawatankuasa <i>Quality Life Care</i>

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan MKBOKU boleh bergerak secara lebih aktif untuk tujuan kemaslahatan OKU di seluruh Malaysia. Antara usaha yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- i. Mengetengahkan Anggota Majlis Individu dan Senator Dewan Negara (Wakil OKU) di platform Media Massa bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang OKU dan isu-isu ketidakupayaan;
- ii. Mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri melalui perkongsian amalan terbaik oleh negeri yang mendahului berkaitan OKU dan kemudahan OKU dalam usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran di kalangan kerajaan negeri berkaitan OKU dan isu-isu ketidakupayaan; dan
- iii. Mendapatkan kerjasama melalui Pihak Berkuasa Tempatan menerusi kertas cadangan yang akan dibentangkan dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang diurusetia oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

MKBOKU adalah merupakan platform kerjasama multisektoral antara kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan OKU ke arah pemerkasaan OKU dan pembentukan masyarakat inklusif di Malaysia. Oleh yang demikian, sokongan dan usaha berterusan daripada semua pihak adalah tunjang utama untuk memastikan MKBOKU dapat melaksanakan peranannya secara maksimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam menambah baik kualiti hidup golongan OKU berdasarkan "*World Health Organization Quality-of-Life Scale*".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organisation* (WHO) melalui Bank Negara Malaysia pada 2014 melaporkan bahawa daripada 29.7 juta rakyat Malaysia, lebih 4.4 juta adalah merupakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Sehubungan itu, WHO dengan bantuan 15 pusat kerjasama dunia, telah membangunkan *WHO Quality of Life Scale* instrumen untuk mengukur tahap kualiti kehidupan. *WHO Quality of Life Scale* merupakan satu alat untuk mengukur tahap penilaian individu ke atas kualiti kehidupan berdasarkan kepada budaya dan sistem nilai di mana individu tersebut menetap dan berhubung kait dengan matlamat, harapan dan kebimbangan (*concern*) individu tersebut. WHO juga telah membangunkan borang kaji selidik yang menyentuh aspek kesihatan, persekitaran dan mobiliti.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dalam memperjuangkan hak dan kepentingan golongan OKU. Pelbagai usaha menambah baik kualiti kehidupan golongan OKU dilaksanakan secara berterusan oleh pelbagai kementerian/agensi. Salah satu daripada usaha berikut adalah menerusi pelaksanaan Pelan Tindakan OKU (2016-2022) yang bertujuan untuk memastikan golongan OKU di negara ini mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pelan Tindakan OKU (PTOKU) menetapkan empat objektif utama seperti berikut:

- i. Memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat;
- ii. Memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara;
- iii. Menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya; dan
- iv. Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.

PTOKU ini dilaksanakan bermula 2016 sehingga 2022 dan melibatkan 107 program/ tindakan sama ada dalam jangka masa sederhana (2016-2017) atau panjang (2016-2022) berserta dengan indikator pengukuran prestasi bagi setiap program/ tindakan.

Selaras itu, kemajuan pelaksanaan PTOKU dipantau oleh enam (6) jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang berperanan untuk memastikan hak dan peluang penyertaan penuh OKU dalam masyarakat dilaksanakan. MKBOKU akan bermesyuarat sebanyak tiga kali setahun dan dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Enam (6) jawatankuasa tersebut mempunyai peranan khusus dalam memastikan hak dan peluang penyertaan penuh OKU dalam masyarakat dilaksanakan. Enam jawatankuasa tersebut adalah:

- i. Jawatankuasa Pengangkutan – Kementerian Pengangkutan
- ii. Jawatankuasa *Quality Life Care* – Kementerian Kesihatan
- iii. Jawatankuasa Pekerjaan – Kementerian Sumber Manusia
- iv. Jawatankuasa Pendidikan – Kementerian Pendidikan
- v. Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina – KPWKM
- vi. Jawatankuasa Pendaftaran OKU – KPWKM

Di samping itu, MKBOKU juga turut berperanan membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek OKU termasuklah perkara-perkara yang berhubung dengan sokongan, penjagaan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN**

SOALAN

Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membendung kes buang bayi yang kian membarah dalam kalangan masyarakat kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius terhadap kes pembuangan bayi yang berlaku dalam negara kita. Pelbagai usaha telah, sedang dan akan dilaksanakan secara berterusan oleh kerajaan terutamanya melalui program pencegahan dan program perlindungan. Antaranya adalah seperti berikut:

PROGRAM PENCEGAHAN

1. Kempen Pendidikan Dan Pencegahan Buang Bayi.

Kempen ini dipasang dan boleh diakses melalui *bus wrap advertising*, papan tanda (*billboard*) dan temu bual di radio dan televisyen;

2. Pusat Remaja KafeTEEN

lanya berkonsep mesra remaja bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif, menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (*skills building*) untuk golongan remaja. Sejak penubuhannya pada 2006 sehingga 2019, sebanyak 687,565 remaja telah mengikuti program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran manakala 35,458 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seramai 13,462 mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

3. Program Pendidikan Keselamatan Keluarga (PEKA)

Program kesedaran kepada murid-murid sekolah mengenai keselamatan siber, pornografi kanak-kanak dan penyantunan seksual. Statistik bagi tahun 2017 hingga Oktober 2020 seramai 550 orang jurulatih modul ini telah dilatih melibatkan pengasuh dan guru pra sekolah KEMAS dan JPNIN dan NGO seperti Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Angkatan Belia Islam

Malaysia (ABIM). Sebanyak 348 program telah dilaksanakan oleh LPPKN pada tahun 2017 hingga Oktober 2020 di seluruh Malaysia penyertaan 12,517 orang ibu bapa yang mendapat manfaat kesedaran dan pengetahuan tentang keselamatan anak-anak mereka;

4. Kempen Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: *Safe and Protect*

Program ini menekankan kesedaran terhadap keselamatan dan perlindungan kanak-kanak telah dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi melibatkan pelajar di sekolah rendah dan menengah, ibu bapa, guru-guru, Persatuan Ibu bapa dan Guru dan komuniti setempat. Dari tahun 2014 hingga Ogos 2020, sebanyak 414 buah sekolah dan 96,797 murid sekolah telah menyertai Kempen Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: *Safe and Protect* .

PROGRAM PERLINDUNGAN

1. Perkhidmatan Khidmat Nasihat Dan Kaunseling

Perkhidmatan ini turut disediakan kepada ibu di bawah umur yang mengandung luar nikah. Seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN) serta 51 orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga yang traumatik.

2. Rumah Perlindungan Kepada Kanak-Kanak Dan Wanita Yang Hamil Luar Nikah.

Terdapat 4 buah institusi kendalian JKM disediakan untuk kanak-kanak hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun (Taman Seri Puteri) dan 3 buah institusi untuk wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas (Pusat Jagaan Sinar Kasih). Wanita dan keluarga kanak-kanak yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut melalui

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara (104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah).

3. Klinik Nur Sejahtera

Kementerian telah mewujudkan sebanyak 53 buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia memberi perkhidmatan sokongan kepada ibu bawah umur yang mengandung luar nikah ini.

4. Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE)

Kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) yang menyediakan tempat perlindungan dan khidmat sokongan sosial termasuk Baby Hatch kepada wanita bawah umur yang mengandung luar nikah. Sehingga kini terdapat sebanyak lapan (8) buah Hospital KPJ dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan Baby Hatch di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN

SOALAN

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah bagi menjaga wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dari semasa ke semasa turut menerima aduan mengenai permasalahan yang dihadapi khususnya oleh wanita yang berkahwin dengan warganegara asing. Antara perkara yang sering dibangkitkan adalah mengenai isu pemerolehan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara, isu penjagaan anak apabila berlaku perceraian, isu dokumen pengenalan diri serta kemastautinan pasangan yang bukan warganegara, isu sekatan kemasukan ke Malaysia dalam kalangan pasangan warga asing yang berada di negara asal berikutan penularan pandemik COVID-19, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan serta isu keganasan rumah tangga.

Justeru, melihat kepada isu-isu yang dibangkitkan, perlunya peranan pelbagai pihak untuk memberikan penjelasan dan kesedaran kepada wanita akan peruntukan undang-undang yang mentadbir perkara-perkara tersebut. Antaranya ialah, peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang memperincikan syarat-syarat dan pemerolehan kewarganegaraan bagi anak dan juga suami ataupun isteri yang bukan merupakan warganegara Malaysia, prosedur kemastautinan dalam negara di bawah undang-undang imigresen serta hak-hak dalam perkahwinan di bawah undang-undang pihak berkuasa agama dan juga undang-undang sivil.

Bagi perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasa KPWKM seperti hak-hak perlindungan apabila wanita berdepan dengan keganasan rumah tangga, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengatur pelbagai program yang memberikan pengetahuan tentang hak-hak wanita dari segi undang-undang dan akses kepada perlindungan. Melalui pengumuman Belanjawan 2021 yang memperuntukkan RM21 juta kepada KPWKM bagi penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat, KPWKM akan membantu memainkan peranan dalam menyediakan khidmat nasihat serta menyalurkan dan merujuk pengadu, termasuklah dalam kalangan wanita yang pasangannya bukan warganegara, kepada Kementerian dan agensi

SOALAN NO. : 125

berkaitan bagi memastikan mereka memperolehi bantuan dan nasihat sewajarnya.

Sekain, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT

SOALAN

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan secara terperinci apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan fakir miskin, OKU dan gelandangan ketika negara berhadapan dengan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat wabak pandemik COVID-19 yang telah melanda negara. KPWKM merupakan salah satu agensi *frontliners* dalam pengurusan bantuan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini. KPWKM melalui agensi di bawah kementerian menyediakan pelbagai bantuan kepada masyarakat yang terkesan, hilang punca pendapatan dan memerlukan bantuan akibat pandemik COVID-19 terutama kepada golongan daripada kumpulan B40 dan golongan rentan termasuk Orang kurang Upaya (OKU) serta gelandangan.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran JKM yang terdiri daripada keluarga miskin, OKU, warga emas dan mereka yang memerlukan bantuan yang menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Berdasarkan statistik JKM, sehingga November 2020, sejumlah RM1.7 bilion telah dibelanjakan untuk menampung pelbagai jenis bantuan kewangan kepada seramai 502,250 penerima bantuan kewangan JKM yang terdiri daripada keluarga miskin dan golongan OKU.

Perincian jenis bantuan dan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

BANTUAN KEWANGAN KEBAJIKAN MENGIKUT SKIM			
Skim	NOVEMBER '2020		Peratus (%)
	Bil. Kes	RM	
Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	62,673	176,628,070	12.48%
Bantuan Orang Tua (BOT)	137,604	527,388,754	27.40%
Elaun Pekerja Cacat (EPC)	88,853	407,917,350	17.69%
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)	77,724	226,930,750	15.48%
Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	25,434	105,845,850	5.06%
Bantuan Am (BA)	103,466	257,369,882	20.60%
Bantuan Latihan Perantis (BLP)	216	1,000,950	0.04%
Bantuan Anak Pelihara (BAP)	422	1,500,850	0.08%
Geran Pelancaran (GP)	414	1,119,033	0.08%
Tabung Bantuan Segera (TBS)	4,347	1,303,841	0.87%
Bantuan Alat Tiruan/Sokongan (BAT)	1,097	2,254,289	0.22%
JUMLAH	502,250	1,709,259,620	100.00%

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan jadual di atas, penerima bantuan OKU adalah seperti Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan. Perbelanjaan sebanyak RM742.9 juta telah dibelanjakan untuk menampung bayaran bantuan kepada 193,108 orang penerima OKU.

Penerima bantuan bagi kategori keluarga miskin adalah terdiri daripada Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Orang Tua (BOT) dan Bantuan Am (BA). Sejumlah RM961.3 juta telah dibelanjakan bagi menampung keperluan seramai 303,743 orang penerima bantuan.

Selain daripada bantuan kewangan, KPWKM melalui JKM juga bertanggungjawab untuk membuat agihan bakul makanan kepada mereka yang terkesan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh kerajaan. Sehingga November 2020, JKM secara keseluruhannya telah menyalurkan bantuan bakul makanan kepada 979,968 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3.9 juta Ahli Isi Rumah (AIR) di seluruh negara. Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi program ini ialah sebanyak RM52.83 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi golongan gelandangan pula, KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menyediakan kemudahan khusus kepada golongan ini yang dikenali sebagai Anjung Singgah. Anjung Singgah merupakan sebuah pusat intervensi sosial untuk membantu golongan gelandangan di Malaysia. Projek Anjung Singgah YKN dilaksanakan dengan sokongan pihak Kerajaan dalam usaha membantu golongan gelandangan bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk hidup berdikari. Anjung Singgah YKN menyediakan kemudahan tempat tinggal sementara, makan minum dan sebagai pusat intervensi bagi mempersiapkan mereka menempuhi cabaran hidup agar tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara. Orang perseorangan, Syarikat korporat dan sesiapa sahaja yang berminat untuk bersama-sama membantu golongan gelandangan adalah dialu-alukan. Pada masa ini,

Anjung Singgah berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak, Johor Bahru, Johor, Pulau Pinang dan Perak.

KPWKM juga bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pelbagai agensi kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan dalam melaksanakan Operasi Menyelamat Gelandangan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] bagi memastikan penyebaran pandemik COVID-19 dapat dikawal.

Selain daripada kerjasama dalam melaksanakan operasi menyelamat gelandangan, JKM juga mengadakan kerjasama dalam menyediakan Pusat Transit Gelandangan seperti yang dibina di Kuala Lumpur. Pusat Transit tersebut merupakan hasil inisiatif tanggungjawab sosial (CSR) daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB). Bangunan yang ditubuhkan secara CSR ini merupakan ONE STOP CENTRE bagi golongan gelandangan di ibu kota Kuala Lumpur. Bangunan tiga tingkat yang terletak di Jalan Pahang itu mempunyai kemudahan asas seperti ruang penginapan yang mampu menampung 250 orang, bilik mandi, tandas, dobi, surau, bilik kaunseling, bilik kesihatan dan tempat simpanan barang. Sumbangan makanan harian adalah daripada NGO, badan korporat dan orang perseorangan yang akan diselaraskan oleh petugas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT

SOALAN

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) adakah Kementerian akan terus melaksanakan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur bagi membendung perkahwinan bawah umur di Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian akan teruskan usaha memperkenalkan rang undang-undang bagi menangani isu gangguan seksual di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkahwinan pada usia muda jelas bercanggah dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan sewajarnya dielakkan kerana ia boleh mendatangkan kesan terhadap hak kanak-kanak dari segi pendidikan, kesihatan reproduktif, kesihatan emosi dan mental. Perkara ini memerlukan perhatian yang serius dan perlu ditangani secara bersepadu oleh semua pihak.

Dalam hal ini, Kerajaan akan meneruskan usaha bagi menangani perkahwinan bawah umur melalui pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur yang sedang dilaksanakan bermula pada awal tahun 2020 sehingga 2025. Pemantauan ke atas pelan ini dibuat melalui Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Pelaksanaan Pelan ini juga adalah selaras dengan obligasi Kerajaan terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, yang berpegang kepada prinsip bahawa kanak-kanak harus diberi peluang untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Selain dari Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Perkahwinan Bawah Umur, tindakan melindungi hak kanak-kanak juga telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui penambahbaikan ke atas Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016.

Dari aspek perundangan berkaitan gangguan seksual, usaha untuk menggubal Rang Undang-undang (RUU) ini masih merupakan salah satu perkara yang menjadi keutamaan dan KPWKM juga sedang mengambil tindakan ke arah memuktamadkan RUU tersebut termasuklah, tindakan penyelarasan dan sesi libat urus dengan Kementerian dan agensi lain yang akan terkesan daripada penggubalan RUU ini.

SOALAN NO. : 159

Berikutan pandemik COVID-19 juga, jadual perancangan penggubalan RUU turut sedikit terjejas di mana pelaksanaan libat urus terpaksa dihadkan dan sasaran pembentangan RUU telah dibuat sedikit pengubahsuaian untuk ia dibentangkan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, selain menggubal RUU ini, KPWKM tetap komited melaksanakan program-program advokasi yang lebih meluas untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai hak-hak mereka dalam isu gangguan seksual melalui kerjasama strategik dengan beberapa pertubuhan bukan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.